

**NOTIS PRIVASI**

**1. Umum**

Bagi tujuan notis ini, Perks Holdings Sdn Bhd dan pemsyarikatannya serta anak-anak syarikatnya dirujuk sebagai "PERKS" atau "kami".

PERKS kommitted memastikan maklumat peribadi anda di bawah jagaan kami adalah selamat dan terjaga. Notis ini akan membantu anda memahami bagaimana kami mengumpul, mengendali, dan menjaga keselamatan maklumat peribadi anda. Notis ini juga menerangkan bagaimana anda boleh mengakses maklumat peribadi anda dan mengawal pendedahan data tersebut.

Dengan mendaftar atau memohon sebarang bagi mana-mana produk yang ditawarkan oleh syarikat insurans yang mana PERKS adalah agennya, berinteraksi dengan kami dan menghantar maklumat anda kepada kami, anda telah bersetuju dengan penggunaan apa-apa data peribadi anda termasuk data peribadi sensitif anda.

Untuk tujuan Notis ini, maklumat peribadi anda yang mungkin diperlukan oleh kami bagi memberi perkhidmatan kepada anda termasuklah:

- nama anda;
- tarikh lahir;
- jantina;
- alamat rumah/surat menyurat;
- butiran akaun bank anda termasuk nombor akaun-akaun bank;
- butiran pembayaran termasuk maklumat kad kredit dan perbankan;
- nombor telefon atau alamat emel;
- Informasi bagi menentusahkan pengenalan diri anda, termasuk nombor kad pengenalan atau paspot;
- rekod/laporan kesihatan.

Selanjutnya anda mungkin diminta untuk menyediakan data tertentu yang boleh dianggap sebagai pilihan seperti butir-butir pekerjaan, profesion, produk dan langganan keatas perkhidmatan lain dan butir-butir keluarga serta demografi isi rumah. Bergantung kepada perkhidmatan yang akan diberikan, kegagalan untuk memberikan maklumat tersebut mungkin menghalang kami untuk menyediakan perkhidmatan tersebut kepada anda.

Data peribadi anda akan dikongiskan dengan syarikat insurans yang mana PERKS adalah agen bertauliah kepada dan yang akan menyediakan perkhidmatan atau produk insurans yang dimohon oleh anda. Dalam keadaan tersebut, noti privasi bagi syarikat-syarikat insuran berkaitan akan juga tergunapakai. Notis-notis privasi ini selalunya terdapat di laman sesawang syarikat-syarikat insurans tersebut dan anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami penggunaan dan pemprosesan data peribadi anda oleh syarikat-syarikat insurans ini.

**2. TUJUAN PENGUMPULAN ATAU PEMROSESAAN MAKLUMAT**

Maklumat peribadi dikumpulkan atau diproses oleh kami bagi tujuan-tujuan berikut yang tidak terhad kepada:

- A. pengendalian perniagaan insurans/takaful, iaitu menjalankan apa-apa aktiviti berhubung dengan atau berkaitan dengan menjalankan tugas sebagai agen insurans berlesen di bawah FSA/IFSA;
- B. pelaksanaan tanggungjawab termasuk perkhidmatan pelanggan di bawah perjanjian bertulis, pengendalian aduan, pemuliharaan, termasuk apa-apa perkhidmatan nilai tambah yang berkaitan tetapi tidak berkaitan secara langsung kepada perjanjian tersebut, di mana perjanjian itu hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada insurans hayat, insurans am, takaful keluarga, takaful am, insurans/takaful perubatan, polisi insurans kumpulan atau sijil takaful kumpulan, kontrak agensi, pengaturan pembrokeran, dan kontrak pekerjaan;
- C. penyiasatan semasa pengunderaitan dan penilaian tuntutan atau pada bila-bila masa semasa persetujuan polisi insurans/sijil takaful yang perlu dan munasabah untuk mengenalpasti kemungkinan sebarang ketidakedahlan maklumat penting dalam insurans/takaful atau konspirasi penipuan tuntutan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan perubatan/kesihatan/insurans hayat, meminta dan mengesahkan maklumat dengan mana-mana pengamal perubatan, hospital, institusi perubatan atau mana-mana orang (sama ada diperbadankan atau tidak) yang pernah merawat anda atau mempunyai rekod kesihatan anda; bagi tujuan insurans motor, meminta dan mengesahkan maklumat dengan mana-mana syarikat kenderaan bermotor, bengkel, atau mana-mana orang (sama ada diperbadankan atau tidak) yang pernah melayan anda atau mempunyai rekod mengenai kenderaan bermotor yang dimiliki oleh anda; atau diinsurans oleh anda;
- D. dalam kemungkinan penilaian tuntutan oleh penginsurans/pengendali dan/atau pemproses Data yang berkaitan yang boleh menyimpan apa-apa rekod bagi kes-kes masa depan;
- E. menjalankan hak subrogasi/pemulihan;
- F. bagi tujuan mencegah, menyiasat, melaporkan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, pemberian rasuah, korupsi, penipuan termasuklah tetapi tidak terhad kepada penipuan insurans/takaful, pengelakan cukai, pengelakan sanksi ekonomi atau perdagangan dan aktiviti jenayah secara amnya atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang;
- G. mematuhi kehendak mana-mana undang-undang, mana-mana peraturan atau garis panduan, mana-mana kontrak atau komitmen lain dengan mana-mana badan undang-undang, pihak berkuasa, judisiari, pentadbiran, awam atau penguatkuasa undang-undang pada masa ini atau kelak, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kami atau mana-mana ahli kumpulan syarikat kami yang lain perlu mematuhi, termasuklah tetapi tidak terhad kepada membuat apa-apa pertanyaan, apa-apa penyiasatan, pendedahan atau keperluan pelaporan dan/atau keperluan obligasi menurut apa-apa undang-undang, peraturan-peraturan atau garis panduan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan;
- H. bekerjasama dengan Jabatan PDP, BNM atau mana-mana pihak berkuasa berwajib lain untuk menjalankan audit, pemeriksaan atau penyiasatan yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia atau perjanjian/persetujuan antarabangsa yang memberi kesan kepada PERKS, sama ada secara langsung atau melalui Kumpulan Syarikat PERKS;
- I. pemasaran (termasuk pemasaran secara langsung) kepada anda sebarang produk insurans atau takaful, dengan syarat bahawa anda tidak memberikan apa-apa arahan bertulis untuk berhenti memproses data peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung;

- J. menyelidikan, audit dan penilaian/kajian risiko, termasuk penyelidikan statistik/aktuari atau analisis/kajian data. Sekiranya data tersebut diperlukan untuk tujuan ini, data peribadi anda tidak akan disiarkan, dan hanya angka, statistik dan maklumat umum dapatan kajian/penyelidikan boleh diterbitkan;
- K. Pelaksanaan obligasi di bawah mana-mana skim yang sah di bawah undang-undang berkaitan pemindahan/pelupusan perniagaan;
- L. bekerjasama atau membantu dalam penyiasatan yang dijalankan oleh Penginsurans/Pengendali lain atau mana-mana Persatuan Insurans dan Takaful;
- M. menjalankan siasatan ke atas mana-mana Perantara Insurans/Takaful dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga bagi apa-apa dakwaan penipuan, konspirasi, melanggar mana-mana undang-undang, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, kod amalan, salah laku atau apa-apa tingkah laku atau amalan yang tidak beretika; dan/atau
- N. berkongsi maklumat dengan Persatuan Insurans dan Takaful dan mana-mana sistem perkongsian maklumat.

### 3. PENGGUNAAN, PENGUMPULAN DAN PEMROSESAN DATA PERIBADI BERMAKSUD:

- mengendali permohonan untuk membeli/melanggan produk atau polisi insurans/takaful atau permohonan nasihat atau rekomendasi produk;
- menyediakan, mengeluarkan dan pengendalian hal-hal pentadbiran berkaitan polisi insurans/sijil takaful;
- menerima premium/sumbangan dan penyerahan invois-invois lain;
- memproses dan menyelesaikan tuntutan serta membayar faedah yang lain;
- penilaian tetap selepas pembelian insurans / penyertaan dalam produk takaful;
  - penginsurans semula/takaful semula;
  - insurans bersama/takaful bersama;
  - mencegah, mengesan, menyiasat dan / atau mendakwa penipuan insurans / takaful yang sebenar atau yang disyaki dan aktiviti jenayah lain;
  - menubuhkan, menjalankan atau mempertahankan tuntutan undang-undang;
  - memenuhi kewajipan undang-undang atau kontrak tertentu yang lain;
  - mencari prospek pasaran insurans / takaful baru, termasuk penyelidikan untuk pembangunan produk dan perkhidmatan;
  - pengurusan dalaman;
  - pendedahan kepada pihak ketiga seperti yang termaktub di bawah Prinsip Penzahiran di bawah akta tersebut;
  - audit, penilaian risiko, kajian, kajian statistik dan analisis yang berkaitan dengan perniagaan insurans / takaful;
  - menunaikan kewajipan kawal selia atau undang-undang;
  - aktiviti aktuari;
  - imej yang dirakam melalui CCTV atau media elektronik lain; dan/atau
  - maklumat atau dokumen lain yang diberikan secara bertulis, melalui telefon, secara elektronik melalui Pemesejan Segera, e-mel atau melalui laman web utama kami.

### 4. PERKONGSIAN DATA PERIBADI ANDA

Data peribadi anda akan disimpan secara rahsia tetapi data sedemikian boleh diberikan kepada kategori-kategori yang berikut bagi dasar perlu tahu sama ada di dalam atau di luar Malaysia bagi tujuan yang dinyatakan di bawah:

- Individu atau Syarikat dalam kumpulan Syarikat PERKS termasuk syarikat induk serta syarikat subsidiari;
- kontraktor atau penyedia perkhidmatan serta pusat panggilan pihak ketiga, perantara Insurans / takaful, broker insurans / takaful bebas atau penasihat kewangan yang menyediakan perkhidmatan kepada PERKS berkaitan dengan operasi perniagaan;
- Penyedia perkhidmatan pihak ketiga termasuk penyiasat, ajuster kerugian, penanggung insurans semula, perunding perubatan pemulihan, juruukur, pakar-pakar, pembaiki, pemilik bengkel, syarikat penarik, dan / atau pihak lain yang diperlukan untuk memproses data peribadi untuk tujuan tuntutan;
- Penyedia perkhidmatan takaful semula dan syarikat insurans semula;
- Pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan, agensi penguatkuasaan undang-undang, mahkamah, tribunal, badan pengawal selia dan / atau agensi atau badan berkanun atau mana-mana individu yang perlu didedahkan oleh PERKS di bawah undang-undang yang terpakai untuk tujuan apa-apa peraturan, kod atau garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kerajaan, badan kawal selia atau pihak lain yang mana Kumpulan PERKS atau mana-mana syarikat bersekutunya dijangka mematuhi;
- Mana-mana individu di bawah perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten;
- syarikat penyiasatan atau ajuster kerugian, juruukur bagi tujuan tuntutan;
- persatuan industri dan persekutuan;
- doktor, pakar perubatan, hospital, klinik atau institusi penjagaan kesihatan;
- Juruaudit, perunding, peguam, penasihat profesional, akauntan, pengurus dana atau penasihat profesional lain yang dilantik berhubung dengan perniagaan PERKS secara Sulit;
- Bank-bank, syarikat kad kredit atau institusi kewangan lain untuk tujuan pemungutan atau pemulangan apa-apa wang yang perlu dibayar;
- Mana-mana individu yang dibenarkan oleh anda atau, jika perlu, wasi, pentadbir atau wakil yang sah;
- Sistem perkongsian maklumat, bagi membolehkan pertukaran maklumat di antara penanggung insurans/pengendali takaful untuk memudahkan pencegahan dan pengesanan penipuan;
- Mana-mana individu yang perlu didedahkan dengan maklumat anda bagi tujuan penyiasatan apa-apa dakwaan terhadap Insurans atau Pengantara Takaful dan pembekal perkhidmatan khidmat ketiga yang melanggar mana-mana undang-undang, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, kod amalan termasuk yang terpakai oleh PERKS atau untuk apa-apa tingkah laku serta amalan yang tidak beretika;
- Mana-mana orang yang pendedahan kepadanya itu adalah perlu bagi tujuan penyiasatan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, prosiding jenayah atau prosiding sivil atau kepada mana-mana orang yang penzahiran tersebut wajib dibuat atas perintah mahkamah; dan/atau
- Pembekal perkhidmatan pihak ketiga lain yang dilantik untuk menyediakan pentadbiran, komunikasi, pembayaran, pemprosesan data, penyimpanan data atau sebarang perkhidmatan kepada PERKS bagi sebarang tujuan yang dinyatakan di atas.

## 5. KOMUNIKASI

Sebagai tambahan kepada tujuan yang dinyatakan di atas, PERKS boleh menggunakan nama dan butiran perhubungan untuk tujuan promosi atau pemasaran termasuk menghantar bahan promosi dan menjalankan pemasaran langsung berhubung dengan produk dan perkhidmatan kami yang dibenarkan oleh undang-undang.

Bagi tujuan pemasaran langsung, kami boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, memberikan maklumat peribadi anda kepada pembekal mana-mana produk dan perkhidmatan yang dinyatakan di atas dan pusat panggilan, pemasaran atau perkhidmatan penyelidikan ("organisasi pemasaran langsung lain") supaya mereka boleh menghantar bahan promosi dan menjalankan pemasaran langsung berhubung dengan produk dan perkhidmatan yang kami tawarkan kepada anda.

PERKS boleh memproses nama, alamat e-mel, alamat rumah atau nombor telefon / faks untuk tujuan pemasaran langsung jika telah mendapat kebenaran untuk menggunakan data peribadi anda pada masa pengumpulan data peribadi dan mesej adalah terhad kepada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PERKS atau prinsipalnya. Oleh itu, PERKS atau organisasi pemasaran langsung yang dilantik akan berkomunikasi dengan anda untuk tujuan pemasaran langsung melalui pos dan komunikasi elektronik yang merangkumi SMS / MMS, e-mel, panggilan telefon dan faks.

Jika anda telah memberikan persetujuan dan ingin memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan pemasaran langsung dari PERKS, sila isi borang berkaitan dan e-melkan kepada kami di alamat e-mel yang disediakan pada akhir notis ini atau hubungi Pusat Panggilan kami di nombor telefon yang disediakan di bawah.

## 6. KESELAMATAN DATA PERIBADI ANDA

Segala usaha yang munasabah dan langkah-langkah praktikal dibuat untuk memastikan penggunaan dan pemrosesan data peribadi anda oleh PERKS sentiasa dikemaskini dan dilindungi daripada sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan, perubahan atau pemusnahan sama ada yang tidak dibenarkan atau tidak sengaja.

## 7. PENYIMPANAN DATA PERIBADI

Data peribadi anda tidak akan disimpan lebih daripada tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan data dikumpulkan kecuali penyimpanan itu diperlukan untuk tujuan operasi, audit, undang-undang, kawal selia, cukai atau perakaunan. Kami akan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan data tersebut dilupuskan atau dipadam secara kekal.

Walau bagaimanapun, data peribadi anda boleh disimpan untuk tempoh yang lebih lama jika pengumpulan itu perlu bagi maksud yang berikut:

- prosiding undang-undang atau penyiasatan pihak kawal selia atau siasatan yang sama atau kewajipan untuk menghasilkan maklumat tersebut;
- suatu jenayah atau salah laku yang disyaki atau dikesan;
- maklumat yang berkaitan dengan syarikat dalam pembubaran atau penerimaan, di mana hutang yang disebabkan oleh PERKS atau prinsipal kami; atau
- maklumat dianggap mempunyai kepentingan potensi sejarah, termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan yang diterangkan di atas.
- 

## 8. PILIHAN DATA PERIBADI

Anda boleh memilih sama ada untuk memberikan kami Maklumat Peribadi atau tidak. Jika anda memilih untuk tidak melakukannya, anda mungkin akan terus berinteraksi dengan PERKS, walaupun anda mungkin hanya dapat menikmati ciri-ciri terhad perkhidmatan tertentu yang mungkin bergantung kepada data peribadi. Jika anda memilih untuk menarik balik persetujuan anda, sila ambil perhatian bahawa penarikan balik persetujuan boleh

mengakibatkan penamatan polisi insurans / sijil takaful anda yang anda miliki dengan prinsipal kami dan anda mungkin perlu menanggung segala akibat undang-undang yang timbul daripada penolakan persetujuan tersebut dan risiko pada penamatan polisi insurans / sijil takaful berikutnya.

Anda mempunyai hak untuk mengakses, membetulkan atau menukar mana-mana maklumat peribadi yang disimpan oleh PERKS. Jika anda ingin mengakses, mengemaskini, dan menukar data peribadi anda atau memilih keluar dari membenarkan akses kepada yang sama, kami akan menjalankan usaha yang munasabah untuk membuat perubahan secepat mungkin. Walau bagaimanapun, untuk membolehkan kami menangani permintaan anda dengan sewajarnya, kami mungkin memerlukan pengesahan identiti anda atau sebarang butiran lain yang berkaitan sebelum membenarkan akses tersebut atau membuat perubahan sedemikian.

Akses dan permintaan perubahan hanya boleh dibuat dengan menghantar permintaan kepada kami secara bertulis.

#### 9. PERUBAHAN PADA DATA PRIVASI

PERKS boleh mengemas kini atau mengubah Notis Privasi ini dari semasa ke semasa untuk mengekalkan pematuhan kami terhadap undang-undang dan peraturan, amalan perniagaan, prosedur dan struktur.

Walaupun begitu, anda tidak akan semestinya sentiasa dimaklumkan mengenai sebarang perubahan dan boleh melayari laman web ini untuk mengetahui sebarang maklumat terkini. Tarikh kemas kini akan ditetapkan pada permulaan Notis Privasi.

#### 10. HUBUNGI KAMI

Anda boleh menghubungi kami dengan menulis kepada kami di alamat yang tertera di bawah atau telefon kami di talian Khidmat Pelanggan kami pada waktu pejabat:

Alamat:

A-15-1, Block A,  
Jaya One, 72A Jalan Universiti,  
46200 Petaling Jaya, Selangor Malaysia

Nombor Khidmat Pelanggan - 1300-30-2010